



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPNP			

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggerakkan Pasukan Gerakan Am (PGA) ke Raub, Pahang bagi menjaga ketenteraman awam di daerah berkenaan berikutan kekecohan membatikan pekebun durian dan anggota penguat kuasa, kelmarin.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, PDRM menyeru semua pihak yang terbabit dalam isu berkenaan supaya menggunakan saluran undang-undang yang betul jika ada bantahan terhadap tindakan pihak berkuasa.

Katanya, isu pencerobohan pekebun durian itu di bawah bidang kuasa dan urusan Pejabat Tanah Daerah Raub dan Jabatan Perhutanan Pahang.

"Pihak PGA di sana (Raub) untuk memastikan keselamatan mereka terjaga semasa menjalankan tugas dan PDRM tidak akan berkompromi dengan pihak



ANGGOTA PGA melakukan kawalan di sekitar Hutan Simpan Batu Talam, semalam.

## Kerah PGA kawal ketenteraman

yang cuba mengganggu-gugat pihak berkuasa yang menja-

lankan tugas," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media, semalam selepas meninjau Flat Sri Sabah, Cheras yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula pada 3 Julai lalu hingga 16 Julai depan di sini.

Mengulas mengenai tindakan beberapa ahli politik yang merentas negeri dan daerah bagi mem-

berikan sokongan terhadap 18 pekebun durian yang ditahan selepas mengganggu tugas anggota penguat kuasa, Acryl Sani berkata, polis sudah membuka kertas siasatan mengenai perkara itu.

Beliau berkata, tindakan sewajarnya akan dikenakan jika terbukti berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) Kawalan Pergerakan Pelan Pemulihan Negara.



“  
Pihak PGA  
di sana (Raub)  
untuk memastikan  
keselamatan  
mereka terjaga  
Acryl Sani

HM, 7 Jul  
2021\_12

